



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERSEPSI, TAHAP PENGETAHUAN DAN APLIKASI
TADABBUR AL-QURAN: SATU KAJIAN DALAM KALANGAN
PELAJAR ALIRAN TAHFIZ**

*PERCEPTION, KNOWLEDGE LEVEL AND APPLICATION OF TADABBUR AL-
QURAN AMONG TAHFIZ STREAM STUDENTS*

Sakinah Abdul Mokti, Mohd Nizam Sahad^{2*}

¹ Calon Ph.D, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Email: sakinahabdulmokti@student.usm.my

² Prof Madya, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: nizamsahad@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Mokti, S. A., & Sahad, M. N. (2024). Persepsi, Tahap Pengetahuan Dan Aplikasi Tadabbur Al-Quran: Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Aliran Tahfiz. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 598-610.

DOI: 10.35631/IJMOE.621044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kitab al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW sebagai petunjuk buat umat manusia. Matlamat al-Quran diturunkan dapat dicapai dengan sempurna apabila isi kandungannya dibaca, difahami dan *tadabbur* seterusnya diamalkan dalam kehidupan individu muslim. Amalan membaca dan menghafaz al-Quran sudah menjadi kelaziman masyarakat Malaysia terutama mereka yang mengambil aliran tahfiz, namun sejauhmanakah ayat al-Quran yang dihafaz itu difahami dan *tadabbur* dengan baik. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi, tahap pengetahuan dan aplikasi *tadabbur* al-Quran dalam kalangan pelajar aliran tahfiz. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Analisis kuantitatif di dalam kajian ini menggunakan analisis deskriptif statistik dan ujian ANOVA satu hala. Hasil kajian mendapati persepsi dan tahap pengetahuan konsep *tadabbur* responden berada pada tahap yang sangat baik manakala aplikasi berada pada tahap yang baik. Dapatan ujian ANOVA satu hala pula menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara faktor pemilihan bidang hafazan dengan persepsi, tahap pengetahuan dan aplikasi *tadabbur* al-Quran dalam kalangan pelajar aliran tahfiz. Pemahaman dan *tadabbur* ayat-ayat al-Quran sangat penting bagi melahirkan individu muslim yang menguasai ilmu pengetahuan dan dapat mempraktikkan ilmu tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran, sekaligus membuktikan ketamadunan manusia yang berilmu.

Kata Kunci:

Aliran Tahfiz; Al-Quran; Pengetahuan Tadabbur; Persepsi Tadabbur; Aplikasi Tadabbur

Abstract:

The Quran was revealed to the Prophet SAW as a guide for mankind. The goal of the Qur'anic revelation can be achieved impeccably when its content is read, understood, assimilated, and practiced in the Muslims' lives. Reciting and memorizing the Qur'an has become a common practice in Malaysian society, especially those who follow the tahfiz tradition, but to what extent are the memorized verses of the Qur'an well understood and contemplated (*tadabbur*). Therefore, this study was conducted to find out the perception, level of knowledge, and application of *tadabbur al-Quran* (contemplation of the Quran) among tahfiz students. This study uses questionnaires as a quantitative research method. Quantitative analysis in this study used descriptive statistical analysis and one-way ANOVA. The study results found that the perception and knowledge level of the *tadabbur* concept among respondents was very good while the application was good. The results of the one-way ANOVA test showed no significant difference between the selection factors of memorization and the perception, knowledge level, and application of *tadabbur al-Quran* among students of the tahfiz school. Understanding and memorizing the verses of the Qur'an is pivotal to producing Muslim individuals who master knowledge and can practice that knowledge as required by the Qur'an, at the same time, proving a knowledgeable human civilization

Keywords:

Tahfiz Stream; Al Quran; Tadabbur Knowledge; Tadabbur Perception; Tadabbur Application

Pendahuluan

Kitab al-Quran merupakan kitab suci umat Islam. Antara tujuan utama ia diturunkan ialah supaya dibaca, didengarkan bacaannya, dihafaz, difahami seterusnya ditadabbur isi kandungannya dalam kehidupan individu muslim (Al-Muṭayrī, 2016). Budaya membaca dan menghafaz al-Quran di Malaysia secara khususnya merupakan amalan yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Bahkan pihak kerajaan Malaysia sama ada di peringkat kebangsaan mahupun negeri mengadakan majlis tilawah dan hafazan al-Quran. Malah kurikulum tahfiz juga turut diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat sekolah dan Institut Pengajian Tinggi Awam mahu pun Swasta. Institusi tahfiz secara formal telah diusahakan sejak tahun 1966 (Murihah Abdullah & lain-lain 2015) di mana kerajaan pusat telah menubuhkan kelas hafazan al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara, yang membawa kepada penganjuran majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ramai para penghafaz al-Quran telah berjaya dilahirkan daripada sekolah dan institusi berkaitan. Namun begitu, dapatan kajian yang terdahulu menunjukkan bahawa para pelajar di peringkat sekolah kurang memahami dan *mentadabbur* ayat-ayat al-Quran yang dihafal (Azmil Hasyim & lain-lain, 2018) (Zakarian & lain-lain, 2019) dan (NurAin Zainal & lain-lain, 2017).

Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi, tahap pengetahuan dan aplikasi atau amalan *tadabbur al-Quran* dalam kalangan para pelajar aliran tahfiz di Institusi Tahfiz peringkat pengajian tinggi.

Sorotan Literatur

Terdapat lima perkara yang akan dibincangkan di dalam sorotan literatur ini iaitu pengertian *tadabbur*, hukum *tadabbur*, kepentingan *tadabbur*, syarat dan adab *tadabbur*.

Pengertian *Tadabbur Bahasa*

Menurut kefahaman daripada etimologi, perkataan *tadabbur* berasal daripada kata dasar *dabbara* (دَبَّرَ) yang membawa maksud mengikut dari belakang, manakala kalimah (تَدَبَّرَ) merupakan kata terbitan bagi kalimah (تَدَبُّرٌ) yang bermaksud tenggelamnya pemikiran seseorang di dalam perkara yang sedang difikirkan sehingga melupakan segala perkara yang selainnya (Al-'Ayyed et al., 1999). Menurut Ibn Faris (1979) kalimah ini memberi maksud hujung dan akhir bagi sesuatu, dan ia merupakan kata lawan bagi hadapan. Manakala kalimah (تَدْبِيرٌ) bermaksud seseorang yang mengatur urusannya dan melihat ke belakang berkaitan kesan dan akibat daripada aturannya itu. Secara rumusnya dapat disimpulkan *tadabbur* daripada aspek bahasa memberi makna melihat, meneliti dan berfikir akan sesuatu perkara dari awal hingga akhir serta melihat kesan dan akibat sesuatu perkara, perkataan dan perbuatan.

Pengertian *Tadabbur Al-Quran Menurut Ahli Tafsir*

Tadabbur menurut al-Ḍaḥāk (1997) ialah melihat dan meneliti pada ayat-ayat al-Quran. Muqātil Bīn Sulaiman (2002) pula menyifatkan *tadabbur* ialah merenungi maknanya, memikirkan sesuatu secara mendalam, pada permulaan dan akhirnya serta melazimi perkara tersebut. Al-Nasafi (2005) memberi pengertian *tadabbur* ialah memerhatikan dan meneliti di sebalik sesuatu perkara dan apa yang kembali kepadanya pada kesudahannya. Fakruddīn al-Rāzī (1981) mendefinisikan *tadabbur* sebagai satu ungkapan bagi menerangkan penelitian dan pengamatan yang dilakukan di sebalik sesuatu perkara. Manakala Al-Qurtubi (2006) pula menyifatkan *tadabbur* ialah memikirkan secara mendalam terhadap ayat dan makna-makna ayat tersebut. Adapun al-Suyūfī (2007) menghuraikan *tadabbur* al-Quran bermaksud mengamati perintah suruhan dan larangan yang ada dalam al-Quran seterusnya berusaha menerima dan beramal dengan isi kandungannya. Sekiranya perintah ini diabaikan, dia akan memohon keampunan dan beristighfar kepada Allah. Seterusnya apabila ayat-ayat rahmat dibaca, dia akan bergembira dan berdoa. Apabila ayat-ayat azab dibaca, dia akan merasa takut lalu memohon perlindungan daripada Allah SWT.

Kepentingan *Tadabbur*

Antara kepentingan *tadabbur* ialah:

Pertama: Allah SWT menjadikan *tadabbur* sebagai tujuan utama kitab al-Quran diturunkan dan murka kepada mereka yang meninggalkan amalan *tadabbur*.

Kedua: Antara kaedah mencapai ketinggian dan kesempurnaan ialah melalui *tadabbur* al-Quran. Menurut Ibnu Qayyim (1996) di antara kesempurnaan seorang manusia ialah dengan ilmu yang dimanfaatkan, amalan yang soleh. Kedua perkara ini merupakan petunjuk dan agama yang benar.

Ketiga: *Tadabbur* merupakan jalan mengenali pencipta iaitu Allah SWT dengan pengetahuan dan ilmu yang benar, mengenali nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah SWT.

Keenam: Celaan bagi mereka yang meninggalkan *tadabbur* al-Quran dan tidak mengambil pengajaran daripada isi kandungannya.

Hukum *Tadabbur*

Para ulama memberikan hukum yang pelbagai dalam *mentadabbur* al-Quran. Antaranya ialah Ibnu Hazm (1987) menjadikan *tadabbur* sebagai satu kefarduan bagi pembaca al-Quran. Al-Qurtubi (2006) mewajibkannya melalui pemahaman daripada firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)? (Surah Muhammad 47:24)

Al-Syaukani (2007) menjelaskan bahawa ayat tersebut memberikan kefahaman kepada kewajipan untuk *mentadabbur* al-Quran dan mengambil petunjuk daripadanya. Al-Syanqī (2005) pula berpandangan bahawa, wajib *mentadabbur* wahyu yang diturunkan, memahaminya, mempelajarinya dan seterusnya beramal dengan apa yang diketahui daripadanya melalui petunjuk al-Quran dan sunnah. Semua perkara berikut merupakan tuntutan bagi seluruh umat Islam. Manakala Ruqaiyyah Taha(2008) berpandangan bahawa *tadabbur* merupakan satu kewajipan yang disyariatkan ke atas setiap pembaca al-Quran, tetapi berdasarkan kepada kemampuan akalinya dalam memahami ayat-ayat al-Quran, sebagaimana tidak sepatutnya seseorang itu meninggalkan terus amalan *tadabbur*.

Syarat Tadabbur

Syarat pertama: Hati yang bersedia untuk memahami ayat-ayat Allah SWT. Di mana *tadabbur* dapat dilakukan dalam keadaan hati yang hidup. Hati yang hidup ialah hati yang bersih daripada maksiat. Syarat kedua: Amalan yang datang daripada *mukallaf* iaitu mendengar atau membaca bersama kesediaan hati. Perintah mendengar ayat al-Quran diambil daripada firman Allah SWT:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.(Surah al-A'raf 7:204)

Perintah ini berbentuk umum bagi sesiapa sahaja yang mendengar al-Quran, maka diperintahkan untuk mendengar dan diam (al-Tuwaijiri, 1436) (al-Sabt, 1437).

Adab Tadabbur

Pertama, niat yang Ikhlas. Perkara pertama yang perlu ada bagi mereka yang *mentadabbur* al-Quran ialah taqwa kepada Allah sama ada dalam nyata atau tersembunyi, dengan tujuan mencari reda Allah. Kedua, sabar dan melakukan *tadabbur* secara sedikit demi sedikit dan berterusan dalam melakukannya. Ketiga, menghiasi diri dengan akhlak yang baik sebagaimana disarankan di dalam al-Quran kerana al-Quran itu hakikatnya mengajar seorang individu itu tentang adab. Keempat, memilih keadaan yang terbaik antaranya *tadabbur* dilakukan ketika berjaga malam untuk melakukan ibadah sunat yang lain. Demikian juga, menyelami makna ayat al-Quran di dalam solat adalah lebih baik. Kelima, menjaga adab-adab sebelum, semasa dan selepas membaca al-Quran dan semua yang bersangkutan dengannya.(al-Tuwaijiri, 1436)

Metodologi Kajian

Kaedah Pengumpulan Data

Bagi menjayakan kajian ini, penulis menggunakan kaedah kuantitatif. Data yang diperolehi untuk kajian ini adalah hasil daripada pengumpulan data dari sumber primer, iaitu borang soal

selidik dan sumber sekunder seperti bahan rujukan bertulis yang diperolehi melalui kajian perpustakaan berkaitan *tadabbur* al-Quran.

Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Ia diedarkan kepada responden yang terdiri daripada mahasiswa program Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qira'at. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A: Data Demografi, bahagian B: Persepsi berkaitan *tadabbur*, bahagian C: Pengetahuan *tadabbur* al-Quran dan bahagian D: Aplikasi atau pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran. Soalan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibina dan disemak serta disahkan oleh beberapa pakar bidang. Bagi mendapatkan kesahan, kajian rintis telah dilakukan kepada 30 orang responden awal, dan mendapat nilai alpha-cronbach 0.975. Borg & Gall (1979) menjelaskan jika nilai pekali alpha $\alpha = >.70$ dianggap sebagai stability.

Jadual 1: Nilai Alpha Cronbach

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.975	.976	26

Responden dan Lokasi Kajian

Responden kajian ini seramai 70 orang pelajar daripada jumlah populasi seramai 83 orang merangkumi semester 1 hingga 6. Semua responden merupakan mahasiswa peringkat Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qira'at di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar Perak.

Analisis Data

Dapatan kajian daripada soal selidik ini merupakan data kuantitatif iaitu data yang diperolehi daripada responden berdasarkan pilihan jawapan. Penyelidik telah menggunakan skala likert dalam item soal selidik iaitu nilai Sangat tidak setuju (1), Tidak setuju(2), Kurang setuju(3), Setuju (4) dan Sangat setuju(5). Kumpulan data ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *Statistic Package for the Social Science (SPSS)* versi 26 bagi huraian dalam bentuk frekuensi, peratus, nilai min dan ujian Anova satu hala. Penyelidik menggunakan jadual nilai min berpandukan (Cohen, L., & Holliday, M. 1982) berikut sebagai kayu pengukur kepada keputusan kajian.

Jadual 2: Nilai Min

SKOR MIN	TAHAP
1.00- 2.00	Lemah
2.01 – 3.00	Memuaskan
3.01 – 4.00	Baik
4.01 -5.00	Sangat Baik

Sumber: Cohen, L., & Holliday, M. 1982

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada lima iaitu i: Data demografi, ii: Persepsi berkaitan *tadabbur*, iii: Pengetahuan *tadabbur* al-Quran, iv: Aplikasi atau pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran, dan V: Perbezaan Persepsi berkaitan *tadabbur*,

Pengetahuan *tadabbur* al-Quran dan Aplikasi atau pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran berdasarkan faktor pemilihan bidang tahfiz.

Data Demografi

Dalam bahagian ini, data dihuraikan melalui statistik deskriptif, di mana bacaan jantina responden sebagaimana berikut:

Jadual 3: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	43	61.4%
Perempuan	27	39.4%
Jumlah	70	100

Dalam jadual 3 Para pelajar Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat terdiri daripada 43 orang lelaki dengan bacaan peratus sebanyak 60.6% dan 27 orang perempuan dengan bacaan peratus sebanyak 38%. Manakala faktor pemilihan program Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat pula sebagaimana berikut:

Jadual 4: Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz

Faktor pemilihan bidang Tahfiz	Kekerapan	Peratusan %
Minat	54	77.1
Kehendak ibu bapa	13	18.6
Tiada pilihan	1	1.4
Lain-lain: memperbaiki hafalan	1	1.4
Lain-lain: mendalami ilmu al-quran	1	1.4
Jumlah	70	100

Dalam jadual 4 di atas, seramai 54 orang memilih program ini kerana minat dengan bacaan nilai peratus sebanyak 77.1%, 13 orang memilih program Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat kerana kehendak ibu bapa dengan bacaan nilai peratus sebanyak 18.6%, bakinya masing-masing kerana faktor lain iaitu tiada pilihan lain seorang, untuk memperbaiki hafalan seorang dan mendalami ilmu agama juga seorang dengan bacaan nilai peratus masing-masing sebanyak 1.4%.

Persepsi Pelajar Terhadap Tadabbur.

Jadual 5: Persepsi Pelajar Terhadap Tadabbur

Item Soalan	STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5	Nilai Min	Sisihan Piawai
	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>		
	%	%	%	%	%		
Amalan <i>tadabbur</i> al-Quran penting bagi pelajar yang menghafaz al-Quran.	1	-	-	17	52	4.7	.62
	1.4	-	-	24.3	74.3		
Amalan menghafaz beserta amalan <i>tadabbur</i> al-Quran tidak membebankan para pelajar.	-	3	13	38	16	3.9	.77
	-	4.3	18.6	54.3	22.9		

Amalan <i>tadabbur</i> tidak mengganggu proses hafazan	1	3	11	40	15	3.9	.82
	1.4	4.3	15.7	57.1	21.4		
Amalan <i>tadabbur</i> al-Quran wajar dijadikan silibus dalam pengajian.	-	1	12	39	18	4.0	.70
	-	1.4	17.1	55.7	25.7		
	-	-	10	32	28	4.2	.69
	-	-	14.3	45.7	40		
Amalan <i>tadabbur</i> membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran.			1	40	29	4.4	.52
			1.4	57.1	41.4		
PURATA NILAI MIN	4.2						

Jadual 5 di atas menunjukkan bacaan nilai min bagi setiap soalan tentang persepsi pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran. Item soalan (Amalan *tadabbur* al-Quran penting bagi pelajar yang menghafaz al-Quran) mendapat bacaan nilai min tertinggi iaitu 4.7, item soalan (Amalan *tadabbur* membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran) mendapat nilai min 4.4, diikuti oleh item soalan (Antara punca keruntuhan akhlak (huffaz) kerana tidak mentadabbur al-Quran) mendapat bacaan nilai min 4.2, item soalan (Amalan *tadabbur* tidak mengganggu proses hafazan) mendapat nilai min 4.0. Kesemua item ini mendapat bacaan nilai min sangat baik. Manakala bagi item soalan (Amalan menghafaz beserta amalan *tadabbur* al-Quran tidak membebaskan para pelajar) dan (Amalan *tadabbur* tidak mengganggu proses hafazan) masing-masing mendapat bacaan nilai min 3.9 iaitu berada pada tahap yang baik. Secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap *tadabbur* al-Quran mendapat purata nilai min 4.2 iaitu berada pada tahap yang sangat baik.

Pengetahuan Pelajar Terhadap Tadabbur al-Quran

Jadual 6: Pengetahuan Pelajar Terhadap Tadabbur al-Quran

Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Nilai Min	Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5		
	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>		
	%	%	%	%	%		
Saya tahu bahawa <i>tadabbur</i> al-Quran itu bermaksud satu aktiviti merenungi, mengamati, memikirkan secara mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, serta makna yang ada di sebalik ayat tersebut seterusnya beramal dengan tuntutan ayat al-Quran.	-	-	-	33	37	4.5	.50
	-	-	-	47.1	52.9		
Saya tahu bahawa amalan <i>tadabbur</i> al-Quran merupakan tuntutan agama.	-	-	-	42	28	4.4	.49
	-	-	-	60	40		
Saya tahu bahawa <i>tadabbur</i> al-Quran merupakan tujuan al-Quran diturunkan	-	-	7	36	27	4.2	.64
			10	51.4	38.6		
Saya tahu bahawa <i>tadabbur</i> merupakan satu kewajipan yang disyariatkan ke atas setiap pembaca al-Quran, berdasarkan kadar kemampuan akalinya dalam memahami ayat-ayat al-Quran.	1	1	2	40	26	4.2	.72
	1.4	1.4	2.9	57.1	37.1		
	-	5	14	30	21	3.9	.89

DOI: 10.33331/ISMOJ.021074

Saya tahu bahawa antara syarat <i>tadabbur</i> ialah memiliki hati yang bersih.	-	7.1	20	42.9	30		
Saya tahu antara syarat <i>tadabbur</i> ialah individu itu mesti mempunyai keazaman untuk memahami seterusnya beramal dengan tuntutan ayat-ayat al-Quran.	-	-	4	38	28	4.3	.58
	-	-	5.7	54.3	40		
Saya tahu antara adab <i>tadabbur</i> ialah memiliki hati yang ikhlas dalam mentadabbur al-Quran	-	-	3	35	32	4.4	.57
	-	-	4.3	50	45.7		
Saya tahu antara adab umum <i>tadabbur</i> ialah sabar dalam melakukan <i>tadabbur</i> secara sedikit demi sedikit.	-	-	2	36	32	4.4	.55
	-	-	2.9	51.4	45.7		
Saya tahu antara adab umum <i>tadabbur</i> ialah berterusan dalam melakukannya.	-	-	1	42	27	4.3	.51
	-	-	1.4	60	38.6		
Saya tahu antara adab umum <i>tadabbur</i> ialah menghiasi diri dengan akhlak yang mulia sebagaimana disarankan al-Quran.	-	-	2	35	33	4.4	.55
	-	-	2.9	50	47.1		
PURATA NILAI MIN	4.3						

Jadual 6 di atas menunjukkan bacaan nilai min bagi setiap soalan tentang pengetahuan pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran. Item soalan (Saya tahu bahawa *tadabbur* al-Quran itu bermaksud satu aktiviti merenungi, mengamati, memikirkan secara mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, serta makna yang ada di sebalik ayat tersebut seterusnya beramal dengan tuntutan ayat al-Quran) mendapat bacaan nilai min tertinggi iaitu 4.5, item soalan (Saya tahu bahawa amalan *tadabbur* al-Quran merupakan tuntutan agama), (Saya tahu antara adab *tadabbur* ialah memiliki hati yang ikhlas dalam mentadabbur al-Quran), (Saya tahu antara adab umum *tadabbur* ialah sabar dalam melakukan *tadabbur* secara sedikit demi sedikit), (Saya tahu antara adab umum *tadabbur* ialah menghiasi diri dengan akhlak yang mulia sebagaimana disarankan al-Quran) masing-masing mendapat bacaan nilai min 4.4, diikuti oleh item soalan (Saya tahu antara syarat *tadabbur* ialah individu itu mesti mempunyai keazaman untuk memahami seterusnya beramal dengan tuntutan ayat-ayat al-Quran) dan (Saya tahu antara adab umum *tadabbur* ialah berterusan dalam melakukannya) masing-masing mendapat bacaan nilai min 4.3, item soalan (Saya tahu bahawa *tadabbur* al-Quran merupakan tujuan al-Quran diturunkan) dan (Saya tahu bahawa *tadabbur* merupakan satu kewajipan yang disyariatkan ke atas setiap pembaca al-Quran, berdasarkan kadar kemampuan akalunya dalam memahami ayat-ayat al-Quran) masing-masing mendapat nilai min 4.2. Kesemua item ini mendapat bacaan nilai min sangat baik. Manakala bagi item soalan (Saya tahu bahawa antara syarat *tadabbur* ialah memiliki hati yang bersih) mendapat bacaan nilai min 3.9 iaitu berada pada tahap yang baik. Secara keseluruhan tahap pengetahuan pelajar terhadap *tadabbur* al-Quran mendapat purata nilai min 4.3 iaitu berada pada tahap yang sangat baik.

Pelaksanaan Tadabbur Dalam Pembacaan al-Quran.**Jadual 7: Pelaksanaan Tadabbur Dalam Pembacaan al-Quran**

Item Soalan	STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5	Nilai Min	Sisihan Piawai
	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>		
	%	%	%	%	%		
Saya mentadabbur ayat-ayat al-Quran setiap kali saya melakukan hafazan.	1	27	-	37	5	3.2	1.0
	1.4	38.6	-	52.9	7.1		
Saya mengikuti kelas-kelas tadabbur al-Quran yang dijalankan di masjid.	-	34	-	36		3.0	1.0
	-	48.6	-	51.4			
Saya mengikuti kelas tadabbur al-Quran yang dijalankan di media sosial.	-	32	-	32	6	3.1	1.1
	-	45.7	-	45.7	8.6		
Saya mengikuti kelas tadabbur al-Quran yang diadakan di pusat pengajian saya.	51	19	-	-	-	1.2	.44
	72.9	27.1	-	-	-		
Tadabbur al-Quran sebahagian daripada silibus dalam pengajian saya.	70	-	-	-	-	1.0	.00
	100	-	-	-	-		
Apabila saya membaca ayat-ayat nikmat, saya rasa bahagia.	-	3	-	39	28	4.3	.69
	-	4.3	-	55.7	40		
Apabila saya membaca ayat-ayat nikmat, saya berdoa supaya dikurniakan nikmat tersebut.	-	2	-	37	31	4.3	.64
	-	2.9	-	52.9	44.3		
Apabila saya membaca ayat-ayat azab, saya rasa takut	-	4	-	35	31	4.3	.75
	-	5.7	-	50	44.3		
Apabila saya membaca ayat-ayat azab, saya berdoa supaya dijauhi daripada azab tersebut	-	-	1	32	37	4.5	.53
	-	-	1.4	45.7	52.9		
Saya sentiasa mengamalkan doa-doa yang ada di dalam al-Quran.	-	7	-	40	23	4.1	.85
	-	10	-	57.1	32.9		
PURATA NILAI MIN	3.5						

Jadual 7 di atas menunjukkan bacaan nilai min bagi setiap soalan tentang pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran. Item soalan (Apabila saya membaca ayat-ayat azab, saya berdoa supaya dijauhi daripada azab tersebut) mendapat bacaan nilai min tertinggi iaitu 4.5, item soalan (Apabila saya membaca ayat-ayat nikmat, saya rasa bahagia), (Apabila saya membaca ayat-ayat nikmat, saya berdoa supaya dikurniakan nikmat tersebut), dan (Apabila saya membaca ayat-ayat azab, saya rasa takut), masing-masing mendapat bacaan nilai min 4.3, diikuti oleh item soalan (Saya sentiasa mengamalkan doa-doa yang ada di dalam al-Quran) mendapat bacaan nilai min 4.1. Semua item soalan ini berada di tahap yang sangat baik. Manakala bagi item soalan (Saya mentadabbur ayat-ayat al-Quran setiap kali saya melakukan hafazan) mendapat nilai min 3.2 dan item soalan (Saya mengikuti kelas *tadabbur* al-Quran yang dijalankan di media sosial) mendapat nilai min 3.1. Kedua item soalan ini berada di tahap yang baik. Bagi item soalan (Saya mengikuti kelas-kelas *tadabbur* al-Quran yang dijalankan di masjid) mendapat nilai min 3.0 dengan bacaan nilai min berada pada tahap memuaskan. Manakala bagi item soalan (Saya mengikuti kelas *tadabbur* al-Quran yang diadakan di pusat pengajian saya) mendapat bacaan nilai min 1.2 dan item soalan (*Tadabbur* al-Quran sebahagian daripada silibus dalam pengajian saya) mendapat nilai min 1.0. Kedua item soalan ini mendapat bacaan nilai min yang paling rendah dan berada di tahap yang lemah. Secara keseluruhan tahap pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran mendapat purata nilai min 3.5 iaitu berada pada tahap yang baik.

Perbezaan Persepsi Berkaitan Tadabbur, Pengetahuan Tadabbur Al-Quran Dan Pelaksanaan Tadabbur Dalam Pembacaan al-Quran Berdasarkan Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz.

Ujian ANOVA satu hala menggunakan perisian SPSS bertujuan mengenal pasti perbezaan persepsi, pengetahuan *tadabbur* al-Quran dan pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran dengan mendapatkan keputusan analisis deskriptif (purata skor nilai min), ujian Homogeneity of Variances (perbezaan variasi skor) dan jadual ANOVA (penentuan kewujudan perbezaan).

Jadual 8: Persepsi Pelajar Terhadap *Tadabbur* Berdasarkan Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz.

Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz	Kekerapan	Nilai Min
Minat	54	4.2
Kehendak ibu bapa	13	4.0
Lain-lain (Tiada pilihan)	1	3.6
Lain-lain (Nak memperbaiki hafalan)	1	4.3
Lain-lain (Nak mendalami ilmu al-Quran)	1	4.1
Jumlah	70	4.2

Jadual 8 di atas menunjukkan purata nilai min bagi persepsi pelajar terhadap *tadabbur* al-Quran berdasarkan faktor pemilihan bidang tahfiz. Bagi pelajar yang memilih bidang tahfiz kerana mahu memperbaiki hafalan mendapat nilai min 4.3, kerana minat 4.2, kerana mahu mendalami ilmu al-Quran nilai min 4.1, kerana kehendak ibu bapa 4.0 dan memilih bidang tahfiz kerana tiada pilihan lain mendapat bacaan nilai min paling rendah iaitu 3.6.

Jadual 9: Pengetahuan Pelajar Berkaitan *Tadabbur* Berdasarkan Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz.

Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz	Kekerapan	Nilai Min
Minat	54	4.3
Kehendak ibu bapa	13	4.3
Lain-lain (Tiada pilihan)	1	4.0
Lain-lain (Nak memperbaiki hafalan)	1	3.9
Lain-lain (Nak mendalami ilmu al-Quran)	1	4.3
Jumlah	70	4.3

Jadual 9 di atas pula menunjukkan purata nilai min bagi tahap pengetahuan *tadabbur* al-Quran berdasarkan faktor pemilihan bidang tahfiz. Bagi pelajar yang memilih bidang tahfiz kerana minat, kehendak ibu bapa dan kerana mahu mendalami ilmu al-Quran mendapat nilai min 4.3, kerana tiada pilihan lain 4.0 dan kerana mahu memperbaiki hafalan mendapat bacaan nilai min paling rendah iaitu 3.9.

Jadual 10: Pelaksanaan *Tadabbur* dalam Pembacaan al-Quran Berdasarkan Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz.

Faktor Pemilihan Bidang Tahfiz	Kekerapan	Nilai Min
Minat	54	3.5
Kehendak ibu bapa	13	3.6
Lain-lain (Tiada pilihan)	1	3.6
Lain-lain (Nak memperbaiki hafalan)	1	3.3
Lain-lain (Nak mendalami ilmu al-Quran)	1	3.3
Jumlah	70	3.5

Jadual 10 di atas pula menunjukkan purata nilai min bagi pelaksanaan *tadabbur* al-Quran berdasarkan faktor pemilihan bidang tahfiz. Bagi pelajar yang memilih bidang tahfiz kerana kehendak ibu bapa dan kerana tiada pilihan lain mendapat nilai min 3.6, kerana minat 3.5. Manakala pelajar yang memilih bidang tahfiz kerana mahu mendalami ilmu al-Quran dan mahu memperbaiki hafalan masing-masing mendapat bacaan nilai min paling rendah iaitu 3.3.

Jadual 11: Ujian Homogeneity of variance

	Levene Statistic	df1	df2	Sig.
Persepsi pelajar terhadap <i>tadabbur</i> al-Quran	.421	1	65	.519
Tahap pengetahuan <i>tadabbur</i> al-Quran	1.46	1	65	.231
Aplikasi atau pelaksanaan <i>tadabbur</i> al-Quran	4.12	1	65	.046

JADUAL 12

Ujian *Homogeneity of Variances* di dalam Jadual 10, bagi Persepsi pelajar terhadap *tadabbur* al-Quran menunjukkan nilai $p=0.519$ ($p>0.005$), Tahap pengetahuan *tadabbur* al-Quran nilai $p=0.231$ ($p>0.005$) dan aplikasi atau pelaksanaan *tadabbur* al-Quran nilai $p=0.046$ ($p>0.005$) iaitu perbezaan variasi skor masing-masing antara kumpulan adalah tidak signifikan maka boleh diandaikan bahawa sampel datangnya daripada populasi yang sama.

Jadual 12: Analisis ANOVA

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Persepsi pelajar terhadap <i>tadabbur</i> al-Quran	1.04	4	.260	1.54	.199
Tahap pengetahuan <i>tadabbur</i> al-Quran	.339	4	.085	.431	.786
Aplikasi atau pelaksanaan <i>tadabbur</i> al-Quran	.234	4	.059	.443	.777

Manakala ujian *One way ANOVA* akan memberitahu sama ada terdapat perbezaan atau tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran, pengetahuan pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran dan pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran berdasarkan faktor pemilihan bidang tahfiz. Dalam jadual 12 di atas, ujian ANOVA satu hala bagi persepsi pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran mendapat nilai $F=1.54$ ($p=0.199$,

$p < 0.05$), ujian ANOVA satu hala bagi tahap pengetahuan pelajar berkaitan *tadabbur* al-Quran mendapat nilai $F = 0.431$ ($p = 0.786$, $p < 0.05$), manakala ujian ANOVA satu hala bagi pelaksanaan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran mendapat nilai $F = 0.443$ ($p = 0.777$, $p < 0.05$), di mana menunjukkan tidak wujud perbezaan signifikan.

Kesimpulan Dan Penutup

Kurikulum hafazan al-Quran dalam sistem pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi sangat baik dan sewajarnya diteruskan bagi menjamin kesinambungan para penghafaz al-Quran. Namun begitu, usaha ke arah mewujudkan satu kaedah ringkas untuk mentadabbur al-Quran perlu difikirkan, sama ada menyeluruh kesemua ayat al-Quran atau sebahagiannya sahaja. Ini bagi menjamin tercapainya tujuan utama al-Quran diturunkan iaitu selain untuk dibaca dan dihafaz, ia juga dituntut untuk difahami dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan manusia.

Secara ringkasnya objektif kajian ini tercapai, di mana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar di institusi ini mempunyai persepsi dan pengetahuan yang sangat baik berkaitan *tadabbur* al-Quran, namun pelaksanaan *tadabbur* al-Quran berada tidak selari bersama persepsi dan tahap pengetahuan *tadabbur* al-Quran. Antara perkara yang mendapat bacaan nilai min yang paling rendah ialah tiada silibus yang khusus berkaitan *tadabbur* al-Quran disediakan di institusi pengajian, dan tidak dinafikan juga terdapat kelas pengajian tidak rasmi yang dilaksanakan di masjid namun kurang mendapat sambutan daripada para pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan supaya diadakan satu kursus atau mata pelajaran berkaitan *tadabbur* ayat-ayat al-Quran di dalam silibus pengajian tahfiz al-Quran. Dengan adanya silibus khusus berkaitan *tadabbur*, mudah-mudahan dapat merealisasikan satu ummah yang menghafaz dan memahami tuntutan ayat al-Quran, seterusnya melahirkan ummah yang berilmu dan bertamadun.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada semua responden yang membantu dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

Al-Quran.

- Abidin, N. Z., Saad, M. F. M., & Ahmad, M. N. (2017). Tahap Pengetahuan Pelajar di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bangi Terhadap *Tadabbur* Al-Quran. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(1), 47-53.
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias, M. F. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. In *Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship*.
- Al-Ājirī, M.H. (2003). *Akhlaq Ahl al-Quran*. Ditaḥqīq oleh Muhammad ‘Amru Bin Abdul Latif. Beirut. *Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.
- Al-Ājirī, M.H. (2008). *Akhlaq Ḥamlah al-Quran*. Ditaḥqīq oleh Ghānim Qadwūrī al-Hamd. Amman. *Dar ‘Ammār*.
- Al-‘Ayed, A., Umar A.M., Yahya, J., Abduh, D., Jawwad S., & Nadim. (1999) *Al’Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*, Egypt- *Lidurūs*.
- Al-Daḥāk. (1999). *Tafsīr al-Daḥāk*. Ditaḥqīq oleh Muhammad Syukri Ahmad. Kaherah: Dār al-Salām.

- Al-Nasafi. (2005). *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta'wīl (Tafsir al-Nasafi)*. Beirut: Dar al-Nafāis.
- Al-Nawawi. (1991). *Al-Tibyān fī Ādāb Hamlah al-Quran*. Beirut, Maktabah al-Muayyad.
- Al-Rāzi, F. (1981). *Al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sabt U.K. (1437). *Khulasah fī Tadabbur al-Quran*. Riyadh: Muassasah ilm wa al-Ta'sil.
- Al-Syanqī. (2005). *Tafsīr al-Quran bi al-Quran min Aḍwā' al-Bayān*. Saudi Arabia. Dār al-Faḍīlah.
- Al-Suyūṭī. (2007). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*. Ditaḥqīq oleh Syu'aib al-Arnaūth. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Syaukānī. M.A. (2007). *Fath al-Qadīr al-Jāmi' baina Fannī al-Riwāyah wa al-Dirāyah mi 'Ilm al-Tafsīr*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qurṭubī, M.A. (2006) *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Ditaḥqīq oleh Abdullah Bin Abdul Muḥsin. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Tabarī, M.J. (1994). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Quran*. Beirut. Muassasah al-Risālah.
- Al-Tayyar, N.S. (1427). *Mafhum al-Tafsir wa al-Ta'wil wa al-Istinbath wa al-tadabbur wa al-Mufassir*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Tuwaijiri, A.L., (1436). *Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Borg, W.R., & Gall (1979), *Educational Research; An Introduction*. (3rd ed) New York: Longman.
- Cohen, L., & Holliday, M. (1982). *Statistics for social scientists*. London: Harper & Row.
- Hashim, A., Ani, N. I., & Rahim, M. M. A. (2018). Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 10(2), 1-9.
- Ibnu 'Asyūr. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Al-Sadad al-Tūnisiyyahli al-Nasyr.
- Ibnu Faris A. (1979), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, t.tp., Dār al-Fikr.
- Ibnu Hazm. (1987). *Rasāil Ibnu Hazm al-Andalusī*. Ditaḥqīq oleh Ihsan Abbās. Beirut. Al-Muassasah al-'Arabiyyah li al-Dirāsāt wa al-Nasyr.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (1429). *Al-Fawā'id*. Ditaḥqīq oleh Muhammad 'Uzair Syams. Makkah. Dar al-'Alām al-Fawā'id.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (1996). *Miftāh Dar al-Sa'ādah wa Mansyūrah Wilāyah Ahl al-'Ilmi wa al-Irādah*. Saudi Arabiya, Dar Ibnu 'Affān.
- Jabir al-'Ulwanī, R.T. (2008), *Tadabbur al-Quran al-Karīm bain al-Nazariah wa al-Taṭbīq*. T.tp. t.pt.
- Muqātil Bīn Sulaiman. (2002). *Tafsīr Muqātil Bīn Sulaiman*. Ditaḥqīq oleh Abdullah Maḥmūd Syuḥātah. Lubnan: Muassasah al-Tārīkh al-'Arabī.
- Sulaiman al-Umar, N. (2011). *Afala Yatadabburu al-Quran*. Riyadh: Muassasah Diwan al-Muslim.
- Umar Al-Sunaidi, S. (2002). *Tadabbur al-Quran*. Riyadh: Majalah al-Bayan.
- Zain al-Mutayri, A.M. (2016). *Mabadi' Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Dar al-Hadarah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Zakaria, R., Mohd Haridi, N., Yahaya, M., Pangilun, S. and Husin, H., 2019. Penerapan Elemen Tadabbur Al-Quran Di Kalangan Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 ||, [online] pp.440-450. Available at: <<https://docplayer.info/174044995-Penerapan-elemen-tadabbur-al-quran-di-kalangan-pelajar-maahad-integrasi-tahfiz-selangor-mits.html>> [Accessed 9 December 2020].